



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. **12 (4)**
Tarikh : **17** Disember 2025

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN BILANGAN 5 TAHUN 2025:
DASAR PEMAKAIAN TALI LEHER OLEH MURID SEKOLAH
DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MULAI
TAHUN 2026**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan Dasar Pemakaian Tali Leher oleh Murid Sekolah di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan (KPM) Mulai Tahun 2026.

2. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan (MPKPM) Khas Tahun 2025 pada 08 Disember 2025 telah memutuskan bahawa semua murid **tidak diwajibkan** memakai tali leher ke sekolah mulai tahun 2026. Walau bagaimanapun, pemakaian tali leher masih dibenarkan berdasarkan keputusan permuafakatan pihak sekolah dengan ibu bapa. KPM menegaskan bahawa tiada pihak dibenarkan membuat sebarang paksaan atau tekanan terhadap murid berkaitan pemakaian tali leher ini.

3. KPM sentiasa prihatin akan keperluan bagi ibu bapa menyediakan kelengkapan persekolahan anak masing-masing sebelum bermula sesi persekolahan baharu. Bagi memudahkan ibu bapa dalam memenuhi keperluan tersebut, dasar ini diputuskan hasil penelitian terhadap keperluan semasa murid berdasarkan faktor seperti yang berikut:


- 3.1. realiti iklim tempatan yang panas dan lembap menyebabkan pemakaian tali leher setiap hari kurang sesuai dan menjejaskan keselesaan murid; dan
 - 3.2. keprihatinan KPM dalam usaha menangani beban kewangan isi rumah.
4. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.
5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan

- s.k.:
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan
6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan